



Pembentukan modal insan Orang Asli Darat dan Laut di Malaysia

W. A. Amir Zal¹

¹Department of Social Ecology, Faculty of Social Development, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu

Correspondence: W.A. Amir Zal (email: waamirzal@umt.edu.my)

Abstrak

Istilah modal insan sering kali merujuk kepada diri seseorang atau sekumpulan individu dan keupayaan mereka untuk melakukan kerja. Keupayaan melakukan kerja merujuk kepada tahap pemilikan pengetahuan, kemahiran atau bakat yang dimiliki oleh individu atau komuniti. Setiap komuniti mempunyai modal insan mereka yang tersendiri. Begitu juga dengan Orang Asli, mereka mempunyai modal insan tradisional yang dibentuk berasaskan kepada kawasan yang mereka diami. Misalnya modal insan Orang Asli Darat berkaitan dengan persekitaran hutan, manakala modal sosial Orang Asli Laut pula berkaitan dengan persekitaran laut. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membandingkan modal insan Orang Asli Darat dan Laut. Juga menganalisis dorongan serta faktor yang mempengaruhi pembentukannya. Kajian ini telah dilaksanakan ke atas empat suku kaum Orang Asli: suku Temiar di Kuntai dan Kuala Mu, Perak, dan Batek di Kuala Koh, Kelantan bagi Orang Darat; dan suku Kuala di sekitar Senggarang dan Seletar di Bakar Batu, Johor bagi Orang Laut. Data kajian ini yang diperolehi melalui pemerhatian tidak ikut serta, dianalisis dengan menggunakan perisian komputer QSR Nvivo. Hasil kajian mendapati Orang Darat dan Laut mempunyai elemen modal insan yang berbeza antara satu sama lain, berasaskan persekitaran mereka. Setiap Orang Asli tersebut mempunyai modal insan yang unik sesuai dengan habitat mereka sama ada hutan atau laut. Pembentukan modal insan Orang Asli didorong oleh faktor kebergantungan kepada persekitaran, kearifan alam, pengetahuan yang diwarisi, bauran pengetahuan dan keinginan untuk mengekalkan identiti yang ada. Memandangkan pembentukan modal insan sesebuah komuniti mengambil masa yang panjang, perubahan yang mendadak akibat pembangunan boleh menjejaskan modal insan tersebut dan mengancam kelestariannya. Oleh itu, aktiviti pembangunan perlu mengambil kira realiti ini.

Katakunci: Batek, modal insan tradisional, Orang Kuala, Orang Seletar, persekitaran, Temiar

The human capital formation amongst *Orang Asli Darat* (Forest people) and *Orang Asli Laut* (Sea people) in Malaysia

Abstract

The term of human capital refers to an individual human being or a community and his capability to do work. Human ability refers to his levels of possession of knowledge, skill and talent. Every community has its own traits of social capital. Similarly, Orang Asli in Malaysia have formed their traditional social capital based on the area in which they live. For instance social capital of Orang Asli Darat associates with forest, while social capital of Orang Asli Laut relates to sea. This article aims at identifying and comparing the human capital owned by the Orang Asli Darat and Orang Asli Laut. Also to analyse the impetuses and factors that affect human capital formation of the Orang Asli. The study focuses on four Orang Asli tribes: Temiar in Kuntai dan Kuala Mu, Perak and Batek in Kuala Koh, Kelantan representing Orang Asli Darat; and Orang Asli Kuala in Senggarang, also Orang Asli Seletar near Bakar Batu, Johor representing Orang Asli Laut. Data for the study, gathered during fieldworks through non participant observation technique, were analysed using QSR Nvivo computer software. Results of the study show that elements of human

capital of Orang Asli Darat and Orang Laut are clearly distinguishable by comparing their living environments. Each tribe of the Orang Asli has unique skills and talents. Further analysis reveals that there are five factors which could have influenced the Orang Asli traditional human capital formation namely their association with living environments, natural wisdom, inherited knowledge, the diffusion of knowledge and desire to continue their Orang Asli identity. As the human capital formation takes a long time, drastic changes in their living environments resulting from development processes are capable of damaging the Orang Asli human capital thus threatening its sustainability. Therefore, the process of development that involved Orang Asli should take into account this reality.

Keywords: Batek, environment, Orang Kuala, Orang Seletar, Temiar, traditional human capital

Pengenalan

Terdapat pelbagai definisi modal insan, setiap satu memberi maksud yang berbeza. Namun perbezaan itu hanyalah dalam penggunaan istilah mengikut konteks. Sedangkan maksud dan konsepnya adalah sama. Emery dan Flora (2006), Adam dan Urquhart (2007), serta Phillips dan Pittman (2009), merujuk modal insan kepada pengetahuan dan bakat yang dimiliki oleh ahli dalam komuniti termasuklah golongan dewasa, belia dan kanak-kanak. Bagi O'Leary (2006), selain bilangan individu, modal insan adalah kemahiran yang boleh dipasarkan bagi membolehkan seseorang individu memperoleh pekerjaan dan bayaran dalam bentuk upah. Walaupun berbeza, terdapat beberapa persamaan maksud dalam definisi modal insan yang diberikan oleh para sarjana, iaitu tentang bilangan dan keupayaan mereka dari segi pengetahuan, bakat dan kemahiran, dalam melakukan kerja.

Bagi sesetengah komuniti, modal insan juga dikenali sebagai pengetahuan tradisional. Istilah modal insan dan pengetahuan tradisional dikemukakan oleh beberapa orang sarjana seperti Fernando (2003), Briggs et al. (2007), Lauderdale (2008) dan Dan et al. (2010). Pengetahuan tradisional lebih menjurus kepada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki secara tradisi oleh sesebuah komuniti dan ia menjadi identiti mereka. Pengetahuan tradisional bagi Dan et al. (2010) merujuk kepada pengetahuan yang dimiliki oleh kumpulan individu tertentu yang unik yang dikaitkan dengan sesebuah tempat atau masyarakat. Bagi Fernando (2003) dan Briggs et al. (2007), pengetahuan tradisional merujuk kepada pengetahuan dalaman komuniti yang dicipta dan dikembangkan dalam komuniti itu sahaja. Ia bukannya kesan daripada proses interaksi dengan dunia luar. Sebaliknya pengetahuan sosial ini adalah sesuatu idea yang diwariskan secara turun-menurun dan bukannya dipelajari dari luar. Namun ia boleh berubah apabila persekitaran komuniti itu mengalami perubahan drastik dan seterusnya mengancam kelestarian pengetahuan tradisi tersebut (Briggs et al., 2007).

Modal insan yang dikenali juga sebagai modal sosial sesetengah komuniti sedang diancam kepupusan dan kehilangan keasliannya. Ini kerana pengetahuan tradisional yang membentuk komponen utama modal insan sesebuah komuniti kian terhakis. Bagi Mauro dan Hardison (2000) dan Briggs et al. (2007), perhubungan dengan masyarakat lain boleh menyebabkan pengetahuan tradisional mengalami perubahan. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan kepentingan ekonomi (Lauderdale, 2008). Hipwell (2009) dalam kajiannya ke atas masyarakat asli Formosa di Taiwan mendapati bahawa perubahan drastik akibat bencana alam boleh menyebabkan kepupusan dan ketaklestarian modal insan. Selain itu, pendekatan pembangunan yang tidak sesuai turut menjejaskan proses pewarisan pengetahuan tradisional kepada generasi seterusnya. Kesannya, generasi muda semakin kurang memiliki dan menggunakan pengetahuan tradisional (Turner et al., 2000; Briggs et al., 2007; Hipwell, 2009). Sungguhpun demikian, ini tidaklah bermakna bahawa sesebuah komuniti harus membiarkan sahaja pengetahuan tradisional mereka hilang begitu sahaja. Ini kerana kebanyakan komuniti cenderung untuk mengaitkan pengetahuan yang mereka warisi dengan identiti mereka. Pengetahuan warisan ini sudah menjadi tradisi yang sebatian dengan budaya mereka. Oleh itu mereka perlu melindunginya (Turner et al., 2000 & Briggs et al., 2007). Lantaran itu, mereka membentuk tingkah laku tertentu untuk mempertahankannya. Antaranya ialah dengan meneruskan pembelajaran mengenainya dalam kalangan ahli komuniti (Lauderdale, 2008).

Bagi Briggs et al. (2007), setiap komuniti mempunyai pengetahuan yang tersendiri. Modal insan berbeza mengikut kawasan, atau lebih tepat bergantung pada persekitaran petempatan komuniti tersebut.

Perkara ini dibincangkan oleh Turner et al. (2000) dalam kajian mereka tentang perbezaan pengetahuan tradisional komuniti *Secwepemc (Shuswap)*, *Salish*, *Kwakwaka'wakw* dan *Nuu-Chah-Nulth* di British Columbia, Kanada. Setiap komuniti mempunyai pengetahuan yang berbeza.

Hal yang serupa juga boleh dikatakan kepada Orang Asli di Malaysia. Mereka memiliki modal insan yang tersendiri berasaskan habitat mereka. Masyarakat umum mengenali Orang Asli yang bergantung pada hutan sebagai Orang Asli Darat. Orang Asli Darat adalah komuniti Orang Asli yang hidup di kawasan hutan, menjalankan aktiviti memburu, mengumpul sumber hutan dan menggunakan sumpit. Tidak ramai yang menyedari bahawa wujud kelompok Orang Asli lain yang dikenali sebagai Orang Laut. Orang Asli Laut dikenali sebagai Orang Laut kerana kehidupan mereka bergantung kepada persekitaran laut (Dentan, 1968; Iskandar Carey, 1976). Menurut Andaya (2008), umumnya Orang Laut dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu Sama-Bajau, Orang Laut dan Moken atau Moklen. Namun dalam konteks Orang Laut Orang Asli Malaysia, Orang Laut merujuk kepada empat kaum, iaitu Orang Kuala, Orang Seletar, Mah Meri dan Orang Kanaq. Orang Kuala terdapat di pesisir Pantai Barat dan Selatan Johor, manakala petempatan Orang Seletar tertumpu di bahagian Selatan Johor (Juli Edo, 2000). Mah Meri atau Ma' Betisék pula berada di persekitaran paya bakau serta bergantung pada aktiviti pertanian dan hasil laut (Wazir-Jahan, 1981) di sekitar negeri Selangor. Manakala Orang Kanaq hanya berada di kampung Sungai Selangi, Kota Tinggi Johor. Walau bagaimanapun, Orang Kanaq kini tidak lagi mengamalkan kehidupan sebagai Orang Laut. Kebanyakan mereka telah menjalankan aktiviti pertanian, termasuklah mengusahakan kelapa sawit dan pekerjaan lain. Malah sekiranya ditanyakan kepada Orang Kanaq, sebahagian besar tidak lagi mengingati sejarah hidup mereka sebagai Orang Laut.

Kawasan petempatan yang berbeza dan pergantungan mereka kepada persekitaran yang berbeza menyebabkan mereka memiliki modal insan yang juga berbeza. Orang Asli Darat lazimnya dikaitkan dengan pemilikan pengetahuan dan kemahiran yang berhubung dengan hutan, seperti kemahiran menyumpit, memburu, mengumpul sumber hutan dan pengetahuan pelbagai jenis akar kayu termasuk herba. Sebaliknya modal insan Orang Laut dikaitkan dengan pengetahuan dan kemahiran tentang persekitaran laut seperti jenis hidupan laut, keadaan laut dan kemahiran menguasai laut seperti berenang dan menyelam tanpa bantuan peralatan bernafas dalam air.

Berasaskan kajian para sarjana seperti Turner et al. (2000), Briggs et al. (2007) dan Lauderdale (2008), didapati bahawa wujud pelbagai dorongan dan faktor yang membentuk modal insan sesebuah komuniti. Persoalan tentang dorongan dan faktor pembentukan modal insan dalam kalangan Orang Asli di Malaysia masih belum banyak diketahui. Hal ini biasanya hanya dibincangkan secara umum dan terpisah antara satu sama lain (Endicott & Endicott, 2011). Perbincangan tersebut banyak menyentuh tentang pengetahuan yang dimiliki dan diwariskan dalam kalangan Orang Asli suku Batek. Namun, perwarisan bukanlah satu-satunya dorongan kepada pembentukan modal insan Orang Asli.

Sekaitan dengan pengenalan di atas, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membandingkan modal insan dalam kalangan Orang Asli Darat dan Orang Asli Laut di beberapa kawasan petempatan Orang Asli terpilih di Malaysia. Juga bertujuan menganalisis dorongan serta faktor yang mempengaruhi pembentukan modal sosial tradisional tersebut.

Metod kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam memerhatikan modal insan yang dimiliki oleh Orang Asli Darat dan Laut. Orang Asli Darat dalam makalah ini merujuk kepada Orang Asli Temiar dan Batek, manakala Orang Asli Laut merujuk kepada Orang Kuala dan Orang Seletar. Data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta dan mengambil nota di lapangan. Pemerhatian tidak turut serta dilaksanakan dengan mengikuti aktiviti harian Orang Asli tanpa mencampuri aktiviti tersebut. Penyelidik hanya memerhatikan aktiviti yang dilaksanakan oleh partisipan tanpa mengganggu mereka sama ada untuk bertanyakan soalan ataupun membantu mereka. Kajian telah dilaksanakan di perkampungan Temiar di Kuntai dan Kuala Mu (Perak), petempatan Orang Asli Batek di sekitar Kuala

Koh Taman Negara, Kelantan, perkampungan Orang Kuala di Minyak Beku dan Seri Pantai Senggarang, Johor dan perkampungan Orang Seletar di Bakar Batu, Johor.

Data pemerhatian yang telah dicatat dan nota lapangan yang dibina dikoordinasi dan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer QSR NVivo. Melalui QSR NVivo, data dianalisis secara kualitatif, iaitu *open coding*, *clustering*, *categorizing* dan *thematic*. Hasil kajian yang diperoleh dipersembahkan berasaskan tema-tema yang berkaitan.

Hasil kajian dan perbincangan

Orang Asli mempunyai ciri dan kualiti modal insan mereka sendiri. Pengetahuan, kemahiran dan bakat unik yang mereka miliki dipandang tinggi dan mendapat perhatian dari kalangan masyarakat arus perdana. Dalam konteks dunia hari ini modal insan Orang Asli mempunyai manfaat yang tidak ternilai. Pengetahuan tradisional yang mereka miliki itu adalah berkaitan langsung dengan persekitaran di mana mereka tinggal (Gomes, 2004; Amir Zal & Ma'rof Redzuan, 2012), ia menyebabkan pemilikan modal insan mereka unik tidak dimiliki oleh komuniti lain.

Modal insan Orang Asli

1. Modal insan Orang Asli Darat-Temiar

Orang Asli Darat Temiar (selepas ini disebut sebagai Temiar) merupakan Orang Asli dari suku Senoi yang mana kebanyakan mereka menetap di negeri Perak terutamanya di sekitar Sungai Siput. Namun terdapat juga sebilangan kecil Temiar yang berada di Kelantan, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Menurut Carey (1976), Temiar turut dikenali sebagai Senoi Serok, Tummear, Timeor, Tembe dan Teme. Temiar turut menggelarkan diri mereka sebagai manusia pedalaman berbukit atau Orang Hutan (Benjamin, 1993). Selain menganuti agama adat, terdapat sebilangan dari Temiar yang menganut agama Islam, Kristian Protestan, Bahai, Alüj Slamad dan mengikut disiplin keagamaan Cina (Benjamin, 2008).

Kehidupan suku Temiar pada dasarnya masih banyak bergantung pada persekitaran hutan, meskipun mereka telah banyak terlibat dengan pelbagai aktiviti ekonomi moden. Antara modal insan yang dimiliki Temiar ialah pengetahuan pengumpulan sumber hutan. Perbincangan di sini ditumpukan kepada tiga jenis pemilikan pengetahuan atau kemahiran, iaitu cara untuk memperoleh buluh, petai dan kayu gaharu.

Pengumpulan buluh merupakan aktiviti biasa yang dilakukan secara meluas oleh Temiar. Modal insan berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran mengumpul buluh diwariskan kepada generasi baru semasa proses pengumpulannya. Pengetahuan dan kemahiran warisan tersebut merangkumi jenis buluh dan cara untuk menebang, mengumpul, memotong dan mengangkut buluh. Temiar mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri buluh yang boleh ditebang, panjang dan ukur lilit, kematangan dan kesesuaian buluh untuk memenuhi permintaan masyarakat luar. Selain itu, Temiar juga diajar tentang panjang buluh yang perlu dipotong sebelum dikelompokkan dan ikat untuk dibawa keluar. Pengetahuan tersebut diwarisi sejak dari umur muda daripada generasi sebelumnya, semasa membantu bapa atau saudara mereka mengumpul buluh. Ia diperturunkan secara lengkap, iaitu bermula dari proses awal memasuki hutan sehinggalah menjualnya.

Selain itu, mereka turut dibekalkan dengan pengetahuan tentang masa yang sesuai untuk mengumpul buluh. Temiar memasuki hutan pada hari tertentu sahaja, iaitu berasaskan pertimbangan cuaca, bekalan buluh, permintaan buluh dan jarak. Kegiatan mengumpul buluh dipengaruhi oleh cuaca. Cuaca menentukan tahap kesukaran untuk mengumpul serta membawa keluar buluh, juga menyukarkan peraih untuk datang ke kampung Temiar untuk membeli buluh. Pada musim hujan, kegiatan mereka mengumpul buluh terjejas. Ini kerana pengumpulan buluh melibatkan pemilihan jenis buluh, memotong, mengelompokkan, mengikat dan membawa keluar dari hutan. Pada musim hujan, usaha tersebut menjadi agak sukar.

Temiar hanya memilih dan mengambil buluh yang sesuai sahaja, iaitu berasaskan kematangan buluh dan saiznya seperti panjang dan ukur lilitnya. Berkaitan dengan masa, bagi memastikan buluh menjadi lebih matang, Temiar membiarkan kawasan buluh tertentu untuk tempoh masa yang sesuai. Setelah buluh menjadi matang, Temiar akan kembali ke kawasan tersebut. Selain itu, faktor lain yang mendorong Temiar memasuki hutan untuk mengumpul buluh ialah jarak. Disebabkan buluh tidak ditanam secara arborikultur, Temiar lebih berhemah dalam mengumpul buluh. Sekiranya buluh sudah berkurangan di tempat yang berhampiran dengan petempatan mereka, Temiar akan masuk lebih jauh ke dalam hutan.

Selain modal insan berkenaan pengetahuan dan kemahiran mencari buluh, Temiar juga mempunyai modal insan berkaitan pengumpulan petai. Namun, aktiviti tersebut hanya dijalankan pada musim petai sahaja. Pendapatan yang diperoleh dari penjualan petai lebih lumayan berbanding buluh. Sungguhpun demikian, pengumpulan petai tidak semudah usaha mengumpul buluh. Temiar perlu memanjat pokok petai yang ketinggiannya melebihi 10 meter. Temiar juga perlu mempunyai kemahiran dan pengalaman untuk memanjat pokok petai bagi mengelakkan berlakunya kemalangan. Temiar tidak akan memanjat pokok petai sekiranya pokok petai licin, seperti selepas hujan atau berembun. Temiar lebih mementingkan keselamatan diri dan bersedia menerima hakikat bahawa jika tidak dapat memanjat pokok petai, tidak adalah rezeki mereka pada hari tersebut.

Temiar turut mempunyai modal insan mencari kayu gaharu. Walau bagaimanapun pencarian kayu gaharu kini tidak serancak dahulu disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah, sumber kayu gaharu yang semakin berkurangan kerana pokoknya (yang dikenali sebagai pokok Karas) tidak dihasilkan secara arborikultur, sebaliknya pokok tersebut tumbuh secara semula jadi. Dalam masa yang sama, tidak semua Temiar tahu untuk mendapatkan kayu gaharu. Pengumpulan kayu gaharu melibatkan pengetahuan khusus, iaitu kesesuaian pokok dan kayunya. Temiar memiliki pengetahuan untuk mengesan, mengelaskan dan mengambil kayu gaharu dengan cara lestari. Istilah lestari di sini merujuk kepada tindakan yang mengambil kira keuntungan pada masa kini tanpa mengurangkan keperluan generasi baru mereka pada masa hadapan. Temiar tidak mengambil kesemua kayu gaharu yang mereka temui, sebaliknya mengambil bahagian dan jumlah tertentu sahaja.

Temiar mempunyai pengetahuan untuk mengesan pokok karas matang dan dapat menggredkan kayu gaharu kepada gred A, B dan C. Lazimnya Temiar menggredkan kayu gaharu dengan membuat anggaran usia pokok Karas. Semakin tua usia pokok Karas semakin tinggi pula harganya. Temiar hanya mengambil kayu gaharu yang berusia lapan tahun ke atas, ini kerana sekiranya kayu gaharu diambil lebih awal dari itu kayu gaharu yang diperoleh mempunyai kualiti yang rendah dan harganya juga rendah. Kayu gaharu yang matang, iaitu yang berumur lebih sepuluh tahun mempunyai nilai yang tinggi. Warna kayu juga menjadi kriteria untuk menetapkan gred gaharu. Kayu gaharu yang berwarna lebih cerah, putih atau menghampiri putih dikategorikan sebagai kayu gaharu bergred rendah. Sebaliknya kayu gaharu yang berwarna lebih gelap, berwarna coklat pekat ataupun menghampiri hitam mempunyai harga yang jauh lebih tinggi. Temiar turut mengecam kualiti atau menetapkan gred kayu gaharu melalui baunya. Semakin kuat bau, maka semakin tinggi harga kayu gaharu. Walau bagaimanapun, Temiar tidak tahu mengekstrak kayu gaharu untuk mengambil minyak gaharu sebagaimana dilakukan oleh masyarakat lain.

2. Modal insan Orang Asli Darat-Batek

Kebanyakan Orang Asli Batek (selepas ini dikenali sebagai Batek) tinggal di Kelantan, khususnya di Kuala Koh. Sebahagian yang lain tinggal di Pahang dan sedikit di Terengganu yang bercampur dengan Orang Asli suku Semoq Beri. Batek merupakan Orang Asli dalam kategori Negrito. Batek dikenali dengan banyak gelaran seperti Batik, Batek, Ngok (Schebesta, 1952 dalam Carey, 1976) dan Batek Herb. Batek bermaksud orang, manakala herb bermaksud hutan (Carey, 1976). Menurut Tuck-Po (2002), sebahagian besar Batek tinggal di persekitaran hutan untuk memudahkan mereka melaksanakan aktiviti memburu dan mengumpulkan hasil hutan. Ini sesuai dengan rutin hidup mereka sebagai masyarakat pemburu-peramu di Semenanjung Malaysia (Tuck-Po, 2005).

Namun tidaklah bermakna mereka tidak hidup menetap sebagaimana masyarakat lain, kini Batek mula hidup menetap di kawasan petempatan yang didirikan oleh pihak kerajaan melalui beberapa

program pembangunan, termasuklah pemberian rumah bantuan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Menurut Tengku Intan Suzila et al. (2012), melalui usaha-usaha pembangunan seperti itu menyebabkan Batek telah menyedari dan menginginkan perkara baru, termasuklah melalui perhubungan dengan masyarakat luar seperti pelancong, peraih, pegawai kerajaan dan para penyelidik.

Kini Batek lebih sesuai dikategorikan sebagai komuniti separa nomad (*semi-nomadic*). Batek kini telah hidup menetap di kawasan tertentu, termasuklah membina dan mempunyai rumah sendiri. Namun dalam masa yang sama mereka masuk ke hutan dalam tempoh yang panjang serta membina petempatan sementara ketika mencari sumber hutan. Ini kerana Batek masih bergantung pada sumber hutan, sama ada untuk menjual koleksi hasil hutan kepada masyarakat luar ataupun menggunakannya untuk memenuhi keperluan diri, keluarga atau komuniti. Pada masa yang sama mereka telah menerima perubahan melalui pembangunan yang diusahakan ke atas mereka. Ini termasuklah menerima cara hidup baru dengan menetap di satu tapak petempatan dan mendapat bantuan seperti rumah yang dibina melalui PPRT.

Batek mempunyai cara yang tersendiri dalam mendapat sumber hutan. Mereka menggunakan cara yang dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos. Antara cara yang lazim diamalkan ialah tinggal menetap sementara di dalam hutan untuk tempoh tertentu dengan membawa bersama ahli keluarga. Batek membina petempatan sementara di sepanjang sungai seperti di Kuala Koh. Pergerakan pemindahan tersebut dilakukan dalam dua bentuk, iaitu secara kumpulan kecil dan secara berkumpulan besar. Dalam kumpulan kecil, biasanya perpindahan mengandungi dua atau tiga keluarga sahaja. Manakala kumpulan besar lebih besar bilangannya. Kewujudan petempatan ini hanyalah untuk sementara sahaja, dan tidak mempunyai tempoh waktu yang tetap sama ada sebulan, seminggu atau lebih singkat lagi. Setelah tinggal beberapa waktu mereka seterusnya berpindah ke petempatan baru. Antara pertimbangan untuk berpindah ialah kemudahan mendapat sumber hutan termasuklah dari segi kuantiti atau jaraknya dengan petempatan sementara. Kebiasaannya Batek tidak akan masuk dan membina petempatan sementara pada musim tengkujuh, iaitu antara bulan Oktober hingga Disember, kadang-kadang hingga ke bulan Januari. Pada bulan-bulan tersebut aras air sungai bertambah dengan mendadak. Ini menyebabkan banjir dan menghasilkan air sungai yang berarus deras yang boleh mengancam keselamatan mereka sama ada untuk tinggal menetap atau bergerak melalui sungai.

Petempatan sementara lazimnya disusun mengikut keluarga. Setiap keluarga mempunyai sebuah khemah kecil, atau dikenali sebagai *hayā*. *Hayā* tradisional dibina menggunakan sepenuhnya sumber hutan seperti nipah dan buluh. Namun buluh semakin kurang digunakan, melainkan jika mereka membina *hayā* kecil ketika mencari sumber hutan sahaja. Ini kerana, ia sukar untuk dipindah-pindahkan dan bahannya tidak tahan lama. Sebaliknya, kebanyakan Batek kini menggunakan kanvas sebagai atap rumah dan lantai. Ada juga Batek yang menggunakan buluh sebagai lantai untuk *hayā* mereka. Walau bagaimanapun, kesemua rangka asas *hayā* dibina daripada buluh. Sekiranya terdapat Batek yang belum berumah-tangga, mereka turut mengikuti ibu bapanya ke hutan, tinggal bersama dalam *hayā* yang sama atau membuat *hayā* mereka sendiri dalam saiz yang lebih kecil.

Mereka berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain mengikuti laluan sungai dengan menggunakan rakit ataupun bot gentian. Jika berakit, rakit yang digunakan dihasilkan sendiri oleh Batek dengan menggunakan buluh lebih dari sepuluh kaki panjangnya. Mereka menggunakan rakit untuk kebanyakan aktiviti, bukan sahaja untuk berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi juga menjadi cara berekreasi kepada kanak-kanak Batek. Kanak-kanak menjadikan rakit sebagai alat permainan mereka, mengayuhnya dari hulu ke hilir dan hilir ke hulu, dari pagi hingga ke petang. Selain rakit, terdapat juga Batek yang menggunakan bot yang diperbuat daripada gentian berserta enjin untuk urusan harian mereka, termasuklah untuk berpindah randah. Namun tidak ramai Batek mempunyai bot gentian berenjin kerana ia melibatkan kos seperti untuk membeli, mengurus, membaiki dan kos petrol. Oleh kerana kos tersebut agak tinggi, kebanyakan Batek membuat keputusan untuk menggunakan rakit sahaja sama ada untuk aktiviti harian dan berpindah-randah.

Berkenaan dengan modal insan Batek, golongan lelaki Batek masuk ke dalam hutan yang lebih dalam untuk mencari sumber hutan. Mereka mencari sumber hutan yang mempunyai nilai ekonomi seperti mencari buluh, rotan, damar, kayu gaharu, madu, katak dan sumber hutan lain. Golongan wanita pula

tinggal bersama anak-anak di hayã. Namun tidaklah bermakna wanita Batek duduk bersahaja, mereka turut aktif mencari sumber hutan tertentu, termasuklah bahan makanan dan herba.

Walau bagaimanapun, amat jarang wanita menggunakan sumpit untuk mencari sumber makanan. Kebiasaannya mereka mencari ubi dan ikan yang boleh dimakan dengan segera. Lebih unik, semasa mereka memasuki hutan untuk mencari sumber makanan, wanita Batek turut memetik sayur-sayuran hutan, perhiasan hutan daripada tumbuh-tumbuhan beraneka warna dan paling unik ialah mereka turut mencari herba-herba hutan. Wanita Batek lebih arif dan mempunyai pengetahuan yang lebih luas berkenaan jenis-jenis herba di dalam hutan berbanding golongan lelaki. Sering kali golongan lelaki Batek merujuk golongan wanita Batek untuk bertanyakan tentang nama dan cara penggunaan herba-herba hutan. Pengetahuan tentang jenis-jenis tumbuhan hutan yang boleh dijadikan ubat-ubatan, mengetahui dengan jelas nama-nama herba dan cara menggunakannya merupakan antara elemen modal insan yang sangat dihargai oleh masyarakat moden.

Berkecenderungan dengan modal insan lelaki Batek pula, mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk mencari sumber hutan yang boleh dijual untuk mendapatkan wang. Mereka memasuki hutan pada masa tertentu, namun tempohnya tidak tetap. Ia bergantung pada kemudahan sumber hutan, jenis sumber hutan dan cuaca. Misalnya untuk mengumpulkan kayu gaharu, ia mengambil masa yang lama dan memaksa mereka untuk tinggal di dalam hutan. Ini kerana sumber hutan tersebut sukar untuk diperolehi dan memerlukan kemahiran khusus. Tambahan pula, sumber tersebut semakin berkurangan dan memerlukan mereka untuk meneroka hutan yang lebih jauh untuk memperolehinya.

Di sebalik kesukaran usaha mengumpul hasil hutan, mereka tidak meneroka secara tidak bertanggung jawab. Batek hanya meneroka tempat tertentu bagi mendapatkan sumber gaharu. Mereka telah arif dengan persekitaran hutan dan mampu menjejak kembali lokasi yang mempunyai kayu gaharu yang pernah mereka kunjungi sebelum ini walaupun tanpa bantuan peralatan moden dan tanda arah yang jelas. Selain itu, mereka juga mampu menjejak lokasi baru meskipun ada kalanya mereka tidak dapat mengambil sumbernya disebabkan oleh kayu gaharu belum matang ataupun telah diambil oleh orang lain khususnya orang asing. Elemen modal insan dalam bentuk ini adalah unik kerana ia sukar untuk dinilai atau dijelaskan, sebaliknya hanya dapat dirasai melalui gerak hati yang terlatih melalui rutin hidup harian di dalam hutan.

Berbeza pula dengan sumber hutan katak, ia diperlukan segera oleh pembeli. Oleh itu ia tidak mengizinkan Batek untuk berada lama di dalam hutan. Manakala sumber rotan yang bersifat paku dan berat, lazimnya lebih sukar untuk dibawa keluar. Lazimnya sekiranya sudah mencapai kuantiti yang mampu dipikul, Batek akan terus pulang dan menjualnya kepada pembeli. Namun, kini permintaan terhadap rotan semakin berkurangan. Batek juga masih menggunakan sumpit sebagai alat utama untuk memburu haiwan hutan seperti tupai, burung, monyet dan haiwan lain. Kemahiran tradisional ini semakin kurang dimiliki oleh golongan muda Batek. Antara sebabnya ialah mereka rasa tidak lagi patut bergantung pada senjata tersebut untuk mencari makanan, malah ada yang bimbang dengan racun yang ada pada sumpit tersebut terkena pada diri sendiri. Walau bagaimanapun, sering kali Batek membawa bersama penawar racun sumpit semasa mereka masuk ke hutan untuk memburu.

3. Modal insan Orang Asli Laut – Orang Kuala

Orang Asli Orang Kuala (selepas ini dikenali sebagai Orang Kuala) merupakan sub kaum Melayu Asli. Mereka dikenali sebagai Orang Kuala kerana petempatan awal mereka bertumpu di kuala sungai seperti di Minyak Beku, Batu Pahat. Mereka hidup sebagai nelayan. Orang Kuala juga digelar sebagai Orang Duano (Dentan et al., 1997; Yuszaidy et al., 2009), Dossin Dolak (Carey, 1976), Jakun Laut (Skeat, 1902) dan Orang Selat (Logan & Thomson dalam Skeat & Blagden, 1966). Orang Kuala tidak suka dipanggil sebagai Orang Kuala kerana menurut mereka, istilah itu digunakan oleh masyarakat lain untuk mengejek mereka. Justeru itu, mereka lebih selesa dipanggil sebagai Orang Laut, atau Orang Asli ataupun Melayu Asli dan ada juga yang suka dikenali sebagai Orang Duano. Bagaimanapun, istilah Orang Kuala digunakan secara rasmi oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Kesemua Orang Kuala beragama Islam. Berbeza daripada Orang Asli lain, Orang Kuala bukanlah baru memeluk agama Islam, sebaliknya

keislaman mereka diwarisi daripada nenek moyang. Malah sesetengah Orang Kuala menganggap diri mereka sebagai sebahagian daripada orang Melayu.

Orang Kuala mempunyai modal insan sebagaimana Orang Asli Darat. Berbeza dengan modal insan Orang Darat yang berkait dengan persekitaran hutan, modal insan Orang Laut berkait langsung dengan laut. Ini kerana petempatan mereka berada hampir dengan laut, Ini memudahkan mereka untuk akses kepada laut (Polunin & Sneah, 1953; Skeat & Blagden, 1966; Carey, 1976; Barnard, 1998; Andaya, 2008). Antara modal insan mereka ialah memiliki pengetahuan mendalam tentang keadaan laut, berkemahiran menangkap ikan, ketam (Andaya, 2008), terepang, tumbuhan laut dan kulit penyusut (Yuszaidy et al., 2009).

Secara khususnya, modal insan Orang Kuala dapat dinilai berdasarkan kemahiran mereka menjaring ikan, menjahit jala atau pukot, mengenal pasti cuaca melalui angin, mengenal pasti arah melalui bintang, membuat togok, membuat kelong, membuat jermal dan membuat sampan dari kayu. Sebagai Orang Laut, Orang Kuala mempunyai pengetahuan yang berhubung langsung dengan aktiviti laut, khususnya menjaring ikan dan menjahit jala atau pukot. Kini kesemua Orang Kuala menggunakan kaedah moden untuk menjaring ikan. Jaring yang digunakan dibeli dari pasar yang berhampiran dan tidak lagi ada Orang Kuala yang menggunakan jaring tradisional. Mereka menggunakan jaring yang diperbuat daripada tali plastik sebagaimana yang digunakan oleh nelayan lain. Mereka juga mempunyai pengetahuan untuk membaiki pulih jaring mereka yang rosak, iaitu dengan menjahit jala atau pukot.

Selain itu, mereka masih mempunyai modal insan yang diwarisi secara tradisi daripada Orang Kuala silam seperti pengetahuan mengenal pasti cuaca melalui angin dan menentukan arah melalui kedudukan bintang. Kedua-dua pengetahuan ini lazimnya diketahui oleh nelayan yang berkemahiran dan biasa dengan kehidupan laut. Bagi Orang Kuala, pengetahuan mengenal pasti cuaca melalui angin adalah perkara mudah, terutamanya sekiranya cuaca semasa berbeza dengan suhu angin yang bertiup. Sekiranya cuaca panas, sedangkan suhu angin yang bertiup sejuk, maka kemungkinan hari akan hujan. Pengetahuan tersebut dipelajari daripada nenek moyang mereka yang amat arif dengan kehidupan laut. Begitu juga dengan menentukan arah pelayaran berasaskan petunjuk atau kedudukan bintang. Pengetahuan tersebut berguna kepada Orang Kuala ketika menangkap ikan di laut pada waktu malam. Orang Kuala bergantung kepada pengetahuan tersebut kerana penglihatan mereka menjadi terhad pada waktu malam terutamanya apabila di tengah-tengah laut.

Antara modal insan lain yang dimiliki oleh Orang Kuala ialah membina togok. Togok ialah tukun tiruan yang diperbuat daripada kayu yang dibina sebagai tempat ikan berkumpul dan memudahkan Orang Kuala memperoleh ikan. Orang Kuala dapat membina Togok dengan mudah, namun kini ia mula diganti dengan tukun diperbuat daripada konkrit disebabkan ia lebih tahan lama berbanding kayu. Selain itu, Orang Kuala mempunyai pengetahuan untuk membina kelong, iaitu rumah yang dibentuk di atas laut sebagai tempat untuk mengumpul hasil laut dan tempat beristirahat. Walau bagaimanapun, kelong kini jarang dimiliki Orang Kuala disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah faktor kos, lokasi yang terhad dan kurangnya pengetahuan untuk membina kelong. Dengan kekangan tersebut, jarang Orang Kuala tahu untuk membina kelong. Orang Kuala juga tahu untuk membuat jermal, iaitu bubu yang dilengkapi dengan jaring mudah diangkat.

Pada awalnya Orang Kuala juga memiliki kemahiran untuk membuat sampan daripada kayu. Mereka mempunyai pengetahuan tersebut disebabkan sampan bukan sahaja menjadi pengangkutan untuk mencari rezeki, malahan menjadi tempat tinggal Orang Kuala sekeluarga pada suatu ketika dahulu. Sungguhpun demikian, Orang Kuala kini tidak lagi menetap di atas perahu, justeru perahu hanya digunakan sebagai pengangkutan menangkap ikan sahaja. Kini perahu kayu diganti dengan perahu gentian. Lantaran itu, hanya sebilangan kecil Orang Kuala yang masih tahu membuat perahu kayu.

4. Modal insan Orang Asli Laut – Orang Seletar

Orang Asli Orang Seletar (selepas ini diteruskan dengan Orang Seletar) adalah suku kaum Orang Asli dalam dikategorikan Melayu Asli. Mereka turut dikenali sebagai Orang Selitar atau *sea-gypsies* yang terkenal dalam sejarah sebagai Orang Asli yang hidup berpindah-randah menggunakan perahu kecil

(Carey, 1976). Perahu tersebut mempunyai kepanjangan 6.7 meter (22 kaki) dan lebar 2.1 meter (6 kaki). Pada awal tahun 1970-an, Orang Seletar mula hidup menetap dan membina perkampungan di daratan. Orang Seletar sering kali disalah anggap sebagai Orang Selat, sedangkan Orang Kuala sebenarnya lebih tepat untuk digelar Orang Orang Selat berbanding Orang Seletar. Pada masa ini Orang Seletar hanya boleh ditemui di negeri Johor sahaja walaupun sebelum ini mereka turut boleh ditemui di sekitar Singapura. Mereka juga dikenali sebagai Orang Laut kerana pergantungan hidup mereka kepada sumber laut dan tinggal di dalam perahu.

Setelah tinggal menetap di daratan, ramai yang sudah kehilangan kemahiran tentang laut sebaliknya terpaksa mempelajari kemahiran baru berkaitan kehidupan di darat, seperti halnya dengan orang lain yang tinggal di darat. Kini bilangan Orang Seletar yang tinggal di Kampung Bakar Batu semakin kecil. Ini kerana sebilangan besar Orang Seletar berpindah ke petempatan baru disebabkan oleh tiga peristiwa besar. Peristiwa tersebut ialah penularan penyakit berjangkit, konflik tanah dan penyalahgunaan ilmu hitam. Pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an, perkampungan asal Orang Seletar telah diserang oleh penyakit misteri. Antaranya ialah penyakit kulit yang mengakibatkan banyak Orang Seletar meninggal dunia. Selain itu, wujud juga perebutan tanah antara sesama Orang Seletar hingga menyebabkan hubungan antara penduduk menjadi renggang. Peristiwa ketiga ialah, Orang Seletar menjadi mangsa penyalahgunaan ilmu hitam yang mengakibatkan beberapa penduduk kampung terkena penyakit aneh dan ada yang meninggal dunia. Akibatnya, sebahagian penduduk kampung telah berpindah ke kampung baru.

Bagi yang terus tinggal menetap dan memegang tradisi kehidupan nenek moyang, mereka masih tetap menjalankan aktiviti ekonomi di laut. Kemahiran semasa berada di laut membentuk modal insan khusus mereka. Antara modal insan tersebut ialah pengetahuan dan kemahiran untuk menjaring, mengail dan menangkap ikan, ketam, lala, kepah, pampun dan sebagainya. Orang Seletar juga mempunyai kemahiran yang mendalam tentang laut. Mereka mahir berenang dan mampu menyelam dalam tempoh masa yang lama. Mereka menggunakan kelebihan ini untuk menangkap ikan dengan menggunakan peralatan khas, iaitu panah besi yang dibuat khas untuk menembak ikan di dalam air. Panah besi ini mempunyai kepanjangan antara 0.5 meter hingga 1.0 meter dan menggunakan getah lastik untuk melancarkan panah tersebut. Selain itu, mereka turut menggunakan lembing besi dan kayu untuk menangkap ikan. Sebilangan kecil Orang Seletar cekap menangkap ikan dengan hanya menggunakan tangan dan mengumpulkannya dicelah-celah jari. Namun kini, kepandaian ini semakin kurang dimiliki oleh Orang Seletar.

Berkecenderungan dengan hasil laut yang diperoleh, sekiranya terdapat lebih hasil laut, mereka membuangnya begitu sahaja. Mereka tidak memprosesnya untuk menjadi produk lain, seperti keropok ataupun produk yang lain disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan berkaitan. Mereka juga tidak membahagikan lebih ikan kepada jiran mereka kerana jiran mereka juga mempunyai ikan yang ditangkap sendiri. Melainkan ia diperlukan, maka ikan tersebut diagih-agihkan sesama mereka.

Orang Seletar melaksanakan aktiviti laut bersama-sama dengan ahli keluarga termasuk golongan wanita dan kanak-kanak. Orang Seletar mempunyai kepercayaan serta kaedah yang tersendiri mengajar anak-anak berenang. Bagi mereka adalah mengaibkan sekiranya Orang Seletar tidak tahu berenang. Antara kaedah tradisi yang digunakan untuk mengatasi masalah tidak pandai berenang ialah dengan memakan ikan Yu Pasir. Kemahiran berenang dipelajari dengan meniru teknik dan gaya ibu bapa mereka dan memahirkannya dengan bantuan dan kawalan daripada rakan-rakan sebaya. Sekiranya anak-anak telah matang dan mampu untuk berdikari, anak-anak dibiarkan mempraktikkan kemahiran tersebut bersendirian atau bersama-sama rakan-rakan mereka.

Suatu masa dahulu, sesetengah Orang Seletar juga pandai berburu di hutan. Mereka berburu dengan menggunakan lembing dan tidak menggunakan sumpit secara meluas sebagaimana Orang Asli Darat. Namun kini, aktiviti tersebut amat jarang diamalkan kerana kebanyakan hutan di sekeliling mereka telah ditebang dan dimajukan.

Pembentukan modal insan Orang Asli

Berasaskan perbincangan di atas dapat dikatakan bahawa modal insan Orang Asli Darat dan Laut terbentuk dalam masa yang lama. Generasi baru mewarisi pengetahuan dan kemahiran tradisional

daripada generasi sebelumnya. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong mereka mempelajari dan mewarisi pengetahuan dan kemahiran tradisional. Faktor dorongan tersebut pada umumnya berkaitan dengan ciri habitat: ini termasuklah kebergantungan mereka kepada persekitaran fizikal sehingga membentuk kearifan yang mendalam tentang alam di sekelingnya, berlakunya pemindahan pengetahuan dan kemahiran dari satu generasi ke satu generasi berikutnya, difusi ilmu pengetahuan dalam kalangan Orang Asli dan adanya keinginan untuk meneruskan identiti mereka sebagai Orang Asli. Kebergantungan Orang Asli kepada persekitaran fizikal, mempunyai hubungan langsung dengan cara hidup mereka yang simpel. Habitat mereka tidak banyak mengalami kerosakan dan petempatan mereka juga simpel dan sangat harmoni dengan alam di sekitarnya.

Penelitian ke atas Orang Asli Darat misalnya, modal insan yang dimiliki adalah pengetahuan dan kemahiran untuk memanfaatkan sumber-sumber alam yang ada. Misalnya, Orang Batek mengetahui pelbagai jenis herba disebabkan oleh keperluan mereka terhadap herba-herba tersebut. Mereka juga tahu cara untuk menggunakan herba tertentu untuk menyembuhkan sakit pening kepala, iaitu dengan cara menyapu getah ke atas dahi dan diminum renehan herba tersebut. Begitu juga dengan Temiar, mereka arif dengan sumber hutan tertentu seperti buluh disebabkan mereka memerlukannya kerana buluh adalah sumber kewangan kepada mereka. Pembentukan modal insan disebabkan pergantungan pada persekitaran turut ditunjukkan oleh Orang Asli Laut. Misalnya Orang Seletar, mereka mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menangkap ikan, meskipun dengan menggunakan tangan sahaja. Ini kerana, tradisi kehidupan mereka sedemikian rupa, tiada simpanan makanan untuk jangka panjang kerana mereka tidak bercucuk tanam untuk memenuhi keperluan keluarga, sebaliknya hanya mengumpul hasil laut dan hasil hutan di pinggir pantai. Ini mendesak mereka menggunakan apa sahaja cara untuk meneroka laut demi meyambung kehidupan, dari sehari ke sehari yang lain.

Pembentukan modal insan secara umum pernah diselidik oleh Briggs et al. (2007). Beliau mendapati bahawa pergantungan ke atas persekitaran membentuk pengetahuan tradisi yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Berasaskan kajian beliau yang dilaksanakan di Aswan dan Allaqi, kedua-dua komuniti yang menetap di lokasi yang berbeza tersebut mempunyai pengetahuan yang berbeza. Ini kerana setiap modal insan mempunyai keunikannya yang tersendiri disebabkan pembentukannya berasaskan hubungan yang akrab dan simbiotik dengan alam semula jadi (Turner et al., 2000; Lauderdale, 2008). Justeru itu, pengetahuan yang dibentuk adalah berbeza antara satu komuniti dengan satu komuniti lain, banyak bergantung kepada persekitaran dan sumber alam yang terdapat di kawasan kediaman mereka (Briggs et al., 2007).

Perkara yang sama juga berlaku ke atas Orang Asli Darat dan Laut. Mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran tradisional yang berbeza antara satu sama lain, disebabkan oleh habitat kediaman mereka yang berbeza. Namun, istilah pergantungan perlu diselidiki dari sudut yang lain. Ini kerana, meskipun Orang Seletar hidup bergantung pada laut, mereka juga terlibat dengan aktiviti memburu haiwan darat, walaupun ia semakin kurang dipraktikkan. Jadi pergantungan di sini perlu ditafsirkan bukan sahaja dalam konteks yang kecil seolah-olah pengetahuan dan kemahiran tidak berkembang, tetapi juga perlu mengambil kira sifat semula jadi manusia yang sentiasa ingin meneroka lebih dari apa yang sedia ada. Begitulah juga Orang Asli, mereka turut mempelajari pengetahuan lain yang memberi kelainan dari sudut kehidupan, cita rasa dan identiti.

Petempatan Orang Asli yang berada di kawasan hutan atau laut menyebabkan mereka bergantung kepada alam. Pergantungan tersebut menyebabkan mereka meneroka dengan lebih mendalam pengetahuan berkenaan persekitaran tersebut sehingga memiliki pengetahuan dan kemahiran yang tidak dimiliki oleh komuniti lain dan dikenali sebagai kearifan alam. Namun ia sudah pasti tidak terbentuk dalam masa yang singkat, sebaliknya mengambil masa yang lama. Misalnya suku Temiar dan Batek sudah lama berada di kawasan hutan sehingga segala-galanya aktiviti di hutan adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran tradisional tentang hutan dalam kalangan Batek adalah manifestasi kepada dorongan untuk meneruskan hidup melalui tindakan spontan dan cetusan hati. Ia bukanlah sesuatu yang dipelajari secara formal. Sebaliknya dorongan semula jadi untuk mewarisi pengetahuan dan kemahiran tradisional bagi meneruskan kehidupan dari segi pemakanan, perlindungan dan pertahanan serta pembiakan, membentuk kearifan mendalam tentang alam sekitar di sekelilingnya.

Begitu juga dengan kehidupan Orang Asli Laut, meskipun Orang Kuala dan Orang Seletar mula hidup menetap di daratan, modal insan mereka tetap tidak terpisah daripada laut. Andaya (2008) turut menyatakan perkara yang sama, kearifan tersebut menyebabkan mereka dikagumi dan diiktiraf oleh masyarakat lain sehingga menjadikan mereka sebagai pahlawan, kapten kapal dan sebagainya. Pergantungan pada alam yang berterusan ini membina kearifan yang mendalam tentang alam. Malah modal insan mereka diiktiraf sebagai pengetahuan yang sukar ditandingi oleh komuniti lain. Proses yang lama dalam membentuk modal insan pernah dibincangkan oleh Turner et al. (2000). Beliau telah melaksanakan kajian jangka panjang ke atas masyarakat asli *Secwepemc (Shuswap)*, *Salish*, *Kwakwaka'wakw* dan *Nuu-Chah-Nulth* di British Columbia dan Kanada. Beliau mendapati pengetahuan komuniti tersebut mempunyai sifat khusus dan dibentuk oleh masa, iaitu tempoh masa yang panjang menetap di kawasan tertentu.

Sebagaimana dibincangkan sebelum ini, Orang Asli mendapat jolokan sebagai Orang Hutan, Orang Darat atau Orang Laut disebabkan kehidupan dan pergantungan hidup mereka ke atas persekitaran yang khusus. Orang Asli Darat atau Hutan diberikan gelaran ini kerana pergantungan mereka pada persekitaran hutan. Panggilan tersebut tidak mengandungi maksud yang negatif melainkan merupakan pengiktirafan kepada kemahiran mereka pada persekitaran hutan. Hutan dan Orang Asli tidak dapat dipisahkan, sama ada dalam konteks ekonomi, identiti dan nilai budaya. Orang Asli Darat dapat mentakrifkan dengan mudah persekitaran hutan mereka, termasuklah berkenaan jalan-jalan hutan, flora dan fauna, herba-herba, elemen metafizik, kosmologi dan sebagainya. Mereka turut diiktiraf oleh masyarakat lain kearifan tentang hutan sehingga dilabelkan komuniti yang serba tahu tentang hutan.

Begitu juga pada Orang Asli Laut, pergantungan mereka pada persekitaran laut turut menjadikan mereka dilabelkan sebagai Orang Laut. Perkara ini dapat diperhatikan melalui catatan sejarah, yang mana hampir keseluruhan hidup mereka adalah berasaskan laut seperti berkeluarga, memasak, bersosial dan melaksanakan aktiviti ekonomi. Meskipun mereka telah berhadapan dengan pelbagai bentuk perubahan termasuklah usaha membangunkan mereka, kehidupan berasaskan persekitaran laut tetap diteruskan. Ini kerana persekitaran tersebut telah menjadi identiti diri mereka. Misalnya Batek, meskipun kerajaan telah menyediakan kemudahan asas seperti rumah, mereka tetap meneruskan cara hidup tradisional meskipun dengan cara berbeza dari sebelumnya. Bagi para sarjana sebelum ini seperti Turner et al. (2000) dan Briggs et al. (2007), tindakan tersebut adalah normal kerana lazimnya sesebuah komuniti mengaitkan pengetahuan tradisi mereka sebagai punca kepada identiti mereka dan perlu melindunginya. Lantaran itu, mereka tetap mempertahankannya meskipun kehidupan mereka telah berubah. Antara cara yang dilakukan ialah dengan mewariskannya kepada generasi seterusnya melalui pembelajaran tidak formal dalam kalangan ahli komuniti (Lauderdale, 2008).

Berkenaan dengan pewarisan, Orang Asli menunjukkan kesungguhannya melaksanakan tugas tersebut. Ia dapat diperhatikan melalui tindakan Orang Asli Darat dan Laut. Temiar dan Batek membawa bersama ahli keluarga mereka ketika ke hutan biarpun dengan cara yang berbeza. Contoh yang ketara pewarisan tersebut dapat diperhatikan dalam kalangan suku Temiar. Orang dewasa Temiar menunjukkan secara teori dan praktik untuk melaksanakan kerja seperti mencari, menebang dan menguruskan penjualan buluh kepada anak-anak mereka. Pewarisan tersebut dilakukan dengan teliti. Temiar dewasa menunjuk ajar sehingga diandaikan anak-anak mereka sudah dapat melakukan perkara yang sama secara bersendirian. Begitu juga yang dipraktikkan oleh Batek, mereka membawa bersama keluarga mereka ke dalam hutan untuk memastikan anak-anak mempelajari kemahiran asas tradisional yang lazimnya dimiliki oleh orang dewasa. Orang Seletar turut melakukan usaha yang sama untuk mewariskan pengetahuan dan kemahiran kepada generasi baru mereka. Orang Seletar dewasa menetapkan kriteria khusus yang perlu diketahui oleh anak-anak mereka seperti perlu pandai berenang dan tahu menangkap ikan atau mencari sumber laut yang lain. Kemahiran tersebut tidak hanya diajar oleh golongan dewasa, tetapi juga diperkukuhkan oleh rakan sebaya mereka.

Proses pewarisan modal insan turut dibincangkan oleh Briggs et al. (2007). Menurut beliau pembentukan modal insan dilakukan secara berterusan melalui pewarisan pengetahuan tradisional. Golongan dewasa mewariskan pengetahuan tersebut kepada anak-anak mereka. Pengetahuan tradisional tersebut diwariskan dengan pelbagai cara, lazimnya melalui perantaraan kebudayaan. Proses bermula

dengan ibu bapa atau datuk nenek memberi tunjuk ajar kepada anak-anak dan juga melalui penyertaan serta pemerhatian generasi baru (Turner et al., 2000; Dan et al., 2010). Semua bukti empiris ini menunjukkan peri pentingnya peranan generasi tua dalam mewariskan pengetahuan tradisional (Dan et al., 2010). Proses ini dilakukan secara berterusan sehingga berlaku perubahan sebaliknya atau hilang kerana pupus (Fernando, 2003). Melalui proses berterusan tersebut komuniti mempelajari lebih banyak pengetahuan baharu (Turner et al., 2000). Tidak dinafikan bahawa elemen modal insan Orang Asli turut mengalami perubahan. Perubahan dapat diperhatikan sekiranya elemen modal insan yang dipraktikkan bukan lagi pengetahuan atau kemahiran yang diwariskan sepenuhnya oleh generasi terdahulu. Misalnya suku Temiar dan Batek mencari katak semata-mata untuk memenuhi permintaan pasaran semasa di luar komuniti Orang Asli. Sedangkan sebelum ini mereka tidak mempraktikkannya. Realiti yang hampir sama berkaitan dengan kemahiran berkenaan dengan mencari kayu gaharu. Meskipun tidak dapat dinyatakan dengan tepat sejak bila Orang Asli mencari kayu gaharu, namun kini elemen modal insan tersebut dipraktikkan untuk mendapatkan wang dan memenuhi permintaan pasaran luar. Sedangkan komuniti lain turut mempunyai pengetahuan yang sama, biarpun cara melaksanakannya agak berbeza. Realiti yang sama berlaku dalam kalangan Orang Laut. Mereka mula menggunakan bot gentian yang mana sebelum ini mereka menggunakan perahu yang diperbuat daripada kayu. Begitu juga dengan teknik menangkap ikan yang moden menggunakan pukat menggantikan pancing, jala dan jaring, yang mula mendominasi aktiviti menangkap Orang Laut. Mereka tidak mentafsirkan penggunaan alat baru itu sebagai ancaman, sebaliknya menganggap ia sebagai perkara yang perlu diterima kerana lebih memudahkan hidup mereka.

Realiti perubahan dalam modal insan Orang Asli berlaku di seluruh dunia. Ia bukan suatu yang baru kepada para sarjana. Misalnya Mauro dan Hardison (2000) berhujah bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh perhubungan dengan masyarakat lain. Lebih-lebih lagi sekiranya ia melibatkan kepentingan ekonomi (Lauderdale, 2008; Hipwell, 2009). Ia juga berlaku disebabkan komuniti terpaksa berhadapan dengan pembangunan, perubahan drastik dan penggunaan pendekatan pembangunan yang tidak sesuai (Hipwell, 2009). Sekiranya perubahan ini tidak dikawal, ia mampu memberi ancaman kepada kelestarian pengetahuan dan kemahiran tradisional elemen modal insan yang tak ternilai kepada Orang Asli (Turner et al., 2000; Briggs et al., 2007; Hipwell, 2009).

Kesimpulan

Elemen dan kualiti modal insan Orang Asli berbeza mengikut suku, waktu dan tempat. Namun perbezaan sebenarnya lebih banyak dikaitkan dengan habitat dan persekitaran kawasan petempatan mereka. Misalnya Orang Asli Darat dikaitkan dengan sumber hutan. Manakala Orang Laut dikaitkan dengan sumber laut. Ciri dan kualiti modal insan setiap komuniti tersebut sangat unik dan khusus kerana berasaskan kepada latar belakang fizikal tempat kediaman masing-masing. Meskipun telah banyak kawasan kediaman komuniti Orang Asli yang diterokai dan dibangunkan, namun proses mewariskan pengetahuan dan kemahiran tradisional bagi memanfaatkan sumber alam di sekeliling mereka masih diteruskan. Ini adalah manifestasi tentang keterikatan mereka dengan persekitaran fizikal. Oleh itu, sebarang perubahan yang mendadak terhadap persekitaran kediaman Orang Asli patut dielekkan. Ini kerana ia boleh menjejaskan kualiti modal insan mereka. Meskipun ada elemen baharu, namun pengetahuan dan kemahiran tradisional yang membentuk modal insan komuniti Orang Asli masih terus dipertahankan. Ini kerana ia melibatkan kelangsungan sosial, psikologi dan ekonomi Orang Asli. Kualiti modal insan Orang Asli tidak terbentuk secara serta-merta melainkan mengambil masa yang panjang melalui proses pembelajaran dan pewarisan berterusan. Oleh itu, usaha pembangunan yang dilaksanakan ke atas mereka perlu mengambil kira hakikat bahawa mereka masih terikat dengan alam sekitar. Perubahan yang mendadak ke atas habitat kediaman mereka tidak banyak membantu komuniti berkenaan. Pergantungan mereka yang rapat kepada persekitaran hutan atau laut menyebabkan mereka sukar untuk mempelajari kemahiran lain.

Makalah ini telah membuat generalisasi lima faktor yang berupa dorongan kepada pembentukan modal insan Orang Asli Darat dan Laut. Faktor tersebut adalah darjah kebergantungan kepada

persekitaran fizikal yang amat tinggi; kearifan yang mendalam tentang alam di sekelingnya; pemindahan pengetahuan dan kemahiran secara warisan dari satu generasi ke satu generasi berikutnya; berlakunya bauran ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan Orang Asli; dan adanya keinginan untuk meneruskan identiti mereka sebagai Orang Asli. Pembentukan modal insan mengambil masa yang panjang. Proses pembangunan yang dilakukan ke atas mereka boleh menimbulkan kedua-dua kesan positif dan negatif. Kesan positifnya ialah Orang Asli boleh berubah meskipun mengambil masa yang panjang. Sementara kesan negatifnya ialah keterancaman pengetahuan dan kemahiran tradisional yang membentuk modal insan mereka yang diwarisi sejak sekian lama. Pembangunan yang tidak mengambil kira sensitiviti Orang Asli, khususnya yang berkaitan dengan persekitaran kediaman yang menjadi habitat mereka secara turun-temurun, boleh mengancam masa hadapan mereka sendiri. Ini kerana alam sekitar dan Orang Asli adalah dua bahagian yang integral serta tidak boleh dipisahkan. Sebaliknya usaha melindungi alam sekitar, pengetahuan dan kemahiran tradisional Orang Asli patut dilakukan dengan mengumpul, merekod dan memulihara semua elemen modal insan tersebut bagi memastikan keaslian dan kelestariannya.

Rujukan

- Adam SM, Urquhart C (2007) IT capacity building in developing countries: A model of the Maldivian tourism sector. *Information Technology for Development* **13** (4), 315–335.
- Andaya LA (2008) *Leaves of the same tree - Trade and ethnicity in the Straits of Malaka*. University of Hawaii Press, Honolulu.
- Barnard TP (1998) The timber trade in Pre-Modern Siak. *Indonesia* **65**, 86-96.
- Benjamin G (1993) Process and structure in Temiar Social Organization. In: Hood Salleh, Kamaruddin M. Said, Awang Hasmadi Mois (eds) *Mereka yang terpinggir*, pp.103-163. Pusat Teknologi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Benjamin G (2008) Temiar religions, 1994–2008. International Conference on Religion in Southeast Asian Politics: Resistance, Negotiation and Transcendence 11–12 December 2008. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Briggs J, Sharp J, Yacoub H, Hamed N, Roe A (2007) The nature of indigenous environmental knowledge production: Evidence from Badwi Communities in Southern Egypt. *Journal Of International Development* **19**, 239–251.
- Carey I (1976) *Orang Asli the aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Dan V, Mchombu K, Mosimane A (2010) Indigenous medicinal knowledge of the San people: The case of Farm Six, Northern Namibia. *Information Development* **26** (2), 129–140.
- Dentan RK (1968) *The Semai a nonviolent people of Malaya*. Holt, Rinehart and Winston, USA.
- Dentan RK, Endicott K, Gomes AG, Hooker MB (1997) *Malaysia and the Original People: A case study of the impact of development on indigenous peoples*. Allyn and Bacon, Massachusetts.
- Emery M, Flora C (2006) Spiraling-up: Mapping community transformation with community capitals framework. *Journal of the Community Development* **37** (1), 19-35.
- Endicott KM, Endicott KL (2011) *The headman was a woman: The gender egalitarian Batek of Malaysia*. Centre for Orang Asli Concerns (COAC), Subang Jaya.
- Fernando JL (2003) NGOs and production of indigenous knowledge under the condition of postmodernity. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science* **590** (1), 54-72.
- Hipwell WT (2009) An asset-based approach to indigenous development in Taiwan. *Asia Pacific Viewpoint* **50** (3), 289–306.
- Juli Edo (2000) *Dari darat ke laut; Singkapan ringkas etnosejarah Orang Asli di Johor*. Dalam Seminar sejarah dan budaya Johor, anjuran Kerajaan Negeri Johor, 3-6 Mei 2000.

- Lauderdale P (2008) Indigenous peoples in the face of globalization. *American Behavioral Scientist* **51** (12), 1836-1843.
- Mauro F, Hardison PD (2000) Traditional knowledge of indigenous and local communities: International debate and policy initiatives. *Ecological Applications* **10** (5), 1263-1269.
- O'Leary T (2006) *Asset based approaches to rural community development - Literature review and resources* [cited 28 January 2010]. Available from: <http://rural.carnegieuktrust.org.uk/files/rural/Asset%20Based%20Approches%20-%20IACD.pdf>.
- Phillips R, Pittman RH (2009) *An introduction to community development*. Routledge, USA.
- Polunin I, Sneah PHA (1953) Studies of blood groups in South-East Asia. *The Journal of the Royal Anthropological Institute of Great Britain and Ireland* **83** (2), 215-251.
- Skeat WW, Blagden CO (1966) *Pagan Races of the Malay Peninsula (volume one)*. Frank Cass & Co. Ltd., London.
- Tengku Intan Suzila TS, Mohd Yusri Mohamad Noor, Badli Esham Ahmad (2012) Ethical concerns in language documentation: A case study of the Tembeling River Batek Aslian. 2nd International Conference on Social Science and Humanity (IPEDR), 31, IACSIT Press, Singapore.
- Tuck-Po L (2002) The significance of forest to the emergence of Batek knowledge in Pahang, Malaysia. *Southeast Asian Studies* **40** (1), 3-22.
- Tuck-Po L (2005) The meanings of trees: Forest and identity for the Batek of Pahang, Malaysia. *The Asia Pacific Journal of Anthropology* **6** (3), 249-261.
- Turner NJ, Ignace MB, Ignace R (2000) Traditional ecological knowledge and wisdom of Aboriginal Peoples in British Columbia. *Ecological Applications* **10** (5), 1275-1287.
- Wazir-Jahan Begum Karim (1981) *Ma' Betisek concepts of living things*. The Athlone Press, New Jersey.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohamad Nazri Ahmad, Mohamed Anwar Omar Din (2009) Laporan kajian warisan Orang Kuala: Kajian kes di Batu Pahat dan Pontian, Johor. *Jurnal Melayu* **4**, 143-161.